

Newspaper	SelangorKini
Date	11 December 2015

Wawasan 2020 sukar dicapai

Selangor Kini - 11/12/2015

SHAH ALAM - Wawasan 2020 yang diperkenalkan mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada 1991 sukar dicapai berdasarkan situasi semasa negara ketika ini.

Setiausaha Agung KEADILAN, Rafizi Ramli, berkata pencapaian ekonomi yang merosot dalam tempoh 15 tahun hingga kini selepas ia direncanakan memberi gambaran apa disasarkan kian menyimpang.

Katanya, sasaran ditetapkan kerajaan Barisan Nasional (BN) berkembang pada tahap tujuh peratus setiap tahun ti-

dak pernah dipenuhi.

"Daripada 2000 hingga 2015, kita sudah ada tiga rancangan Malaysia dan terbaharu 2016 hingga 2020 Rancangan Malaysia ke-11. Tiada satu Rancangan Malaysia dalam tempoh 15 tahun mencapai sasaran itu.

"Lima tahun akan datang juga saya rasa agak mustahil untuk dicapai atas pencapaian angka ekonomi. Saya boleh jawab agak mustahil untuk kita mencapai sasaran ekonomi Wawasan 2020," katanya.

Beliau berkata demikian selaku panelis dalam Forum

Masa Depan Malaysia Ke Arah Wawasan 2020 #Mampukah Kita? anjuran Overseas Academic Tour Club Universiti Selangor (UNISEL), di sini, pada 2 Disember lalu.

Majlis terbabit juga menampilkan panelis iaitu Pengerusi Umno Selangor, Datuk Seri Noh Omar dan moderator, Mohd Naim Saiful Bahari.

Daripada segi pencapaian pendidikan, beliau berkata, Malaysia satu ketika dahulu menghampiri rapat Korea Selatan kini ketinggalan jauh dibandingkan dengan Vietnam pada kedudukan kelapan di dunia.